

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah KPM mempunyai perancangan untuk mengurangkan jurang hubungan kaum yang antaranya berpunca daripada kewujudan sekolah-sekolah vernakular di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam aspek memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid di sekolah. Kementerian menyedari bahawa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan menjadi titik mulanya. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah memfokuskan terhadap aktiviti atau program yang melibatkan murid, guru dan pihak pentadbir sekolah.

Berkaitan sekolah-sekolah vernakular, KPM memberi jaminan bahawa segala keputusan menyentuh dasar dibuat dengan pertimbangan profesional dan mengambil kira pelbagai aspek demi kepentingan pendidikan rakyat seluruhnya. Dasar-dasar terdahulu yang diyakini sudah mantap serta bersesuaian dengan situasi semasa akan diteruskan dengan sebaik mungkin, dan mungkin dilakukan penambahbaikan jika dirasakan perlu. Dalam proses penambahbaikan

ini, akan dipastikan bahawa perkiraan utama Kementerian ialah kepentingan murid dan generasi masa depan negara.

Pada masa yang sama, KPM pada era ini, seperti mana yang termaktub dalam manifesto Pakatan Harapan, mempunyai hala tuju yang jelas untuk memastikan sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama rakyat. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberi tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengurangkan jurang hubungan antara kaum, KPM telah melaksanakan beberapa program dan strategi, antaranya:

1. Menggunakan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
2. Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;
3. Mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
4. Memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dari peringkat sekolah rendah lagi;
5. Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah dan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2014;
6. Memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil;
7. Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian serta mematuhi dasar pendidikan; dan
8. Memastikan setiap aktiviti kokurikulum mengikut komposisi kaum.

9. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 9 Tahun 2018: Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

KPM juga telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi menarik pelbagai kaum untuk bersekolah di Sekolah Kebangsaan. Selain itu, Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dilaksanakan dan melibatkan pelaksanaan aktiviti secara bersama-sama di antara sekolah pelbagai aliran agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

Sekian, terima kasih.

RJM 125